

Op Hazard 2.0: RM500 juta cukai tidak diisytihar, ada individu memiliki lebih dari satu kilang haram sisa elektronik – LHDN

19 Jun 2025, 5:30pm

161 Shares [f Share](#) [X Tweet](#) [Share](#) [Email](#)



Oleh: Fareez Azman

KUALA LUMPUR: Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berjaya mengesan beberapa individu yang memiliki lebih daripada satu kilang haram yang diserbu dalam Op Hazard 2.0 di seluruh negara pada 16 Jun lalu.

Menurut Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan) LHDN, Datuk Hisham Rusli, pihaknya masih menjalankan siasatan lanjut berhubung penemuan tersebut.

"Kita dapati terdapat premis daripada 57 buah yang diserbu itu memang ada individu sama memiliki premis tersebut dan di situ sebenarnya ada individu yang terlibat dalam kes ini dan dalam siasatan kita.

"LHDN fokus kepada individu yang mengendalikan premis tersebut. Dalam kes ini, kalau kita lihat 57 buah kilang haram tidak berdaftar, kemungkinan dimiliki beberapa individu," katanya.

Tambahnya, siasatan awal LHDN juga mendapati syarikat-syarikat terbabit beroperasi dalam tempoh yang singkat bagi mengaburi pihak berkuasa daripada mengesan aktiviti mereka.

"Modus operandi (mereka) ini buka tidak lama, jadi ada premis itu dibuka tidak lama. Dari sudut percukaian, kilang haram tidak melaporkan pendapatan, atau melaporkan pendapatan tetapi kurang. Di situ LHDN akan melaporkan pendapatan yang sebenarnya," katanya lagi.

Beliau merujuk kepada anggaran RM500 juta nilai cukai yang tidak diisytiharkan oleh kilang-kilang terbabit melalui penjualan sisa elektronik yang telah diproses ke luar negara.

Beliau berkata demikian dalam sidang media bersama Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA), Datuk Seri Azmi Abu Kassim di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman di sini hari ini.